

Bahasa
Melayu
PERCUBAAN UPSR
2011
1 ¼ jam



NO. KAD PENGENALAN/NO. SURAT BERANAK

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

*Disediakan Oleh:
Guru Akram, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
dengan Pembiayaan Kerajaan Negeri Terengganu*

PERCUBAAN UPSR 2011 BAHASA MELAYU - PENULISAN Tahun 6 Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak-petak yang disediakan.
1. Kertas soalan ini mengandungi tiga Bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.
3. Bagi **Bahagian B**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1**, **Soalan 2** atau **Soalan 3**.
4. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.

Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
Jumlah Markah		60

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

*Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan 15 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar di bawah.



Bahagian B

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 40 minit]

Pilih **satu** daripada tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

- 1 Sekolah kamu telah mengadakan sambutan Minggu Perpustakaan peringkat sekolah pada minggu lepas.

Tulis sebuah karangan tentang kebaikan-kebaikan perpustakaan sekolah.

ATAU

- 2 Kelas kamu akan menganjurkan pertandingan pidato antara kelas tahun enam. Sebagai ketua kelas tulis sepucuk surat kepada guru besar sekolah kamu untuk mendapatkan kebenaran menggunakan dewan sekolah untuk menjayaka program tersebut.

Tulis surat kamu itu selengkapnya.

ATAU

- 3 Kamu dan beberapa orang kawan berbasikal ke sekolah. Semasa dalam perjalanan itu, tiba-tiba seorang kawan kamu telah terjatuh kerana basikalnya terlanggar batu.

Tulis sebuah karangan menceritakan tindakan-tindakan yang kamu lakukan untuk membantu kawan kamu itu.

Bahagian C

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis lima nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Cuti penggal persekolahan yang lalu, Amir bercuti di kampung rakannya, Azam. Amir meminta kebenaran daripada ibu dan bapanya terlebih dahulu. Ibu Amir mengingatkannya supaya pandai menjaga diri semasa berada di tempat orang. Apabila tiba di kampung rakannya, Amir menelefon keluarganya untuk memaklumkan bahawa dia telah selamat tiba. Amir diperkenalkan kepada ahli keluarga Azam. Amir bersalaman dengan ahli keluarga Azam. Keluarga Azam menyambut kedatangan Amir dengan tangan terbuka. Tidak lama kemudian, mereka menikmati makan malam bersama-sama. Amir berasa seronok melihat kemesraan keluarga Azam. Sewaktu berada di rumah Azam, Amir sentiasa menjaga tingkah lakunya. Dia juga turut membantu ayah Azam mengerjakan kebun sayur. Amir berasa gembira kerana mendapat pengalaman baharu ini. Sebelum pulang ke rumah, Amir mengucapkan terima kasih kepada keluarga Azam yang telah melayannya dengan baik. Amir juga menjemput keluarga Azam datang ke rumahnya pula.

